



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 21 OGOS 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	HASRAT MOSTI PACU INDUSTRI PERIKANAN GUNA TEKNOLOGI, MUAFAKAT NASIONAL, HARAKAH -N26	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	STOK IKAN BERTAHAN 30 TAHUN SAHAJA, FORUM, UTUSAN MALAYSIA -19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	150 FISH FARMING LOTS AWAITING SABAHANS' PARTICIPATION, HOME, BORNEO POST -1	
4.	LAGI NELAYAN ASING CEROBOH PERAIRAN NEGARA, NEGERI, HARAKAH -N16	LAIN-LAIN
5.	DAKWAAN KERAJAAN HALAU PENGUSAHA NANAS TIDAK BENAR, NEGERI, HARAKAH -N31	
6.	PENIAGA KENA TEMPPIAS, LOKAL, HARIAN METRO -6	
7.	FISHERMAN CRY FOUL OVER 'BLACK' RIVER, NATION, THE STAR -8	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/8/2020	HARAKAH	MUAFAKAT	NASIONAL

Hasrat MOSTI pacu industri perikanan guna teknologi!



KUALA LUMPUR: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berharap untuk memacu industri perikanan menggunakan teknologi dan bahan komposit sejajar dengan revolusi perindustrian IR 4.0.

Timbalannya, Ahmad Amzad Hashim berkata melalui dasar Sains, Teknologi dan Inovasi negara (STIN 2021-2030) yang telah diluluskan oleh Perdana Menteri dalam Mesyuarat Sains Negara ada menggariskan tentang pemacuan pelbagai spektrum industri dengan menggunakan teknologi termasuklah industri nelayan.

Berikut daripada itu, katanya MOSTI akan memanfaatkan peranan dalam memberi suntikan teknologi dan permodenan kepada industri perikanan negara melibatkan kelompok yang besar dalam kalangan nelayan. "MOSTI sedang melihat bagaimana industri ini dimajukan oleh negara-negara maju seperti Jepun, Hong Kong dan juga Eropah yang telah terlebih dahulu menggunakan teknologi pembuatan bot berdasarkan bahan komposit.

"Sekiranya ini dapat dijalankan melalui kaedah penghasilan secara besar besaran, ia membolehkan ne-

layan membeli bot pada harga yang jauh lagi murah, lebih moden, lebih tahan lasak dan dilengkapi teknologi penangkapan ikan kaedah baru yang memberi pulangan dan hasil yang jauh lagi tinggi," katanya dalam satu kenyataan Selasa lalu.

Menurut Amzad, MOSTI juga telah wujudkan satu jawatankuasa khas bagi tujuan itu dan telah pun memulakan perbincangan dengan Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), Akademi Sains, Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) serta industri.

"Saya juga telahpun ber-

temu dan berbincangkan dengan rakan sejawatan Timbalan Menteri Pertanian, YB Dato' Che Abdullah bagi proses menggerakkan perkara ini bersama kementerian yang mempunyai kepentingan langsung dalam aspek pembangunan industri perikanan," ujarnya.

Ahmad Amzad Hashim

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/8/2020	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	19

Stok ikan bertahan 30 tahun saja

SAUDARA PENGARANG.

SEKTOR perikanan di negara ini semakin malap berikutkan ancaman berterusan ke atas hidupan laut sejak lebih 40 tahun lalu. Keadaan membimbangkan ini bukan sahaja melibatkan jumlah pendaratan ikan berkurangan, tetapi juga menjelaskan sumber pendapatan puluhan ribu nelayan.

Namun sehingga kini, tiada tindakan berkesan dilihat untuk mengatasi permasalahan ini. Stok ikan semakin merosot dan sumber hasil laut negara hanya mampu bertahan dalam tempoh kurang 30 tahun lagi.

Kajian Jabatan Perikanan pada 2016 mendapati stok ikan demersal seperti spesies gelama, kerisi, lolong bara, udang dan sotong semakin menyusut daripada 473,345 kepada 21,002 tan metrik. Ini menunjukkan stok ikan di Semenanjung kini berada pada tahap merah dan memerlukan pemuliharaan segera.

Penggunaan pukat tunda dan peralatan tangkapan lain yang memusnahkan benih ikan dan tempat semula jadi pembiakannya termasuk projek penambakan laut, pencemaran dan kemusnahan hutan, paya bakau merupakan ancaman yang menyumbang kepada masalah kepupusan sumber perikanan.

Sebuah bot pukat tunda boleh memerangkap dan membunuh lebih 60 peratus anak ikan. Ini termasuk spesies berkualiti tinggi serta ikan rakyat iaitu kembung.

Di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak, aktiviti bot rawa sorong, kisa, siput retak seribu, apollo dan bubi naga turut memberi ancaman sehingga menjelaskan 70 peratus pendapatan nelayan.

Projek tambak laut dan kemusnahan hutan paya laut pula memberi ancaman kepada



STOK Ikan di Semenanjung kini berada pada tahap merah dan memerlukan pemuliharaan.

nelayan di Pulau Pinang, Melaka dan Perak.

Justeru, adalah perlu punca-punca ancaman ke atas sumber perikanan diberi perhatian serius dan diambil tindakan berkesan bagi mengawalnya. Peralatan tangkapan yang terbukti memusnahkan benih ikan seperti pukat tunda wajar diharamkan penggunaannya. Akta Perikanan 1985 mestilah dikuatkuasakan dengan tegas bagi menjamin kesejahteraan hidup golongan nelayan dan masa depan sektor perikanan negara.

MOHIDEEN ABDUL KADER

Presiden

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)

Headline	150 fish farming lots awaiting Sabahans' participation		
Media Title	Borneo Post (KK)		
Date	21 Aug 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	1	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	437 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,437
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,311



Shafie (third from left) and Junz (third right) at the launch of the Fish Farming Pilot Project in Semporna. The project will be carried out in Semporna, Kunak and Tuaran.

150 fish farming lots awaiting Sabahans' participation

KOTA KINABALU: The Sabah Government has identified and prepared 150 lots of fish farms for Sabahans.

Announcing this yesterday, caretaker Minister of Agriculture and Food Industry Datuk Junz Wong said he was with Chief Minister Datuk Seri Panglima Shafie Apdal in Semporna on Wednesday to launch the fish farming pilot project.

"As mentioned before, the Warisan-led Sabah Government has been rounding the whole Sabah for potential fish hatcheries.

"After identifying suitable sites, the Land and Survey Department then gazetted the areas and divided them according to lots for fish farming," he said.

Junz, who is also Tanjung

Aru assemblyman said there will be 150 lots with 12 fish cages built and given to each participants for free in Semporna, Kunak and Tuaran.

He added that training will be provided to ensure the program produces successful aquaculture players.

"In Semporna, we have identified Pulau Timbun Mata, Pulau Larapan, Pulau Sllawa, Pulau Kalaupan as some of them," he disclosed.

"In Kunak, Pulau Madai, Pulau Pangi, Pulau Bohayan are examples. In Tuaran, Sungai Mengkabong, Sungai Trayong and Sungai Sulaman," he continued.

The Warisan vice president explained that this is yet another initiative by the Warisan-led Sabah

Government.

"During the BN era, it's nearly impossible for anyone to apply for TOLs, let alone small individuals. But things have changed since Warisan took over. Not only have we identified the areas, we have also gazetted these potential areas as Aquaculture Industrial Zones and divided them into lots awaiting Sabahans participation."

"There will be a certain portion for youths. This is yet another major difference between Warisan and its predecessor," said Junz.

He added that more sites will be up and running for the benefit of Sabahans.

"This is just the beginning. A pilot project. As we progress, we will gazette more and more

sites."

Towards the end, Junz advised Sabahans, especially the youths to venture into these sectors.

"Don't think about KL or Singapore. Think about Sabah now. Think about these opportunities in our beloved Land Below the Wind."

"Even if you have zero experience in the aquaculture or fishery sector, you can also apply to join this programme because we have prepared the training courses, prepared the fish fry and fish feed. We have also prepared the necessary tools like net and so forth."

"All you need is the right mindset and the heart to see Sabah return to its glorious era. This is Sabah Baru," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/8/2020	HARAKAH	NEGERI	N16



Muhd Nor Syam Asmawie Yaacob menunjukkan dua bot nelayan yang ditahan.

Lagi nelayan asing ceroboh perairan negara

Oleh RAMLI HUSSIN

PASIR PUTEH: Kedegilan nelayan asing menghentikan bot dan menyerah diri memaksa Agensi Pengurusan Maritim Malaysia (APMM) melepaskan tembakan amaran ke udara.

Pengaruhnya, Kapten Maritim Muhd Nor Syam Asmawie Yaacob berkata, nelayan terbabit melemparkan beberapa bom diesel serta membaling getah yang dicucuh api ke arah bot APMM.

"Objek keras dilemparkan bertalu-talu ke arah anggota hingga menyebabkan bahagian bot yang pecah," katanya kepada pemberita ketika membawa media ke lokasi kejadian di sini, Isnin lepas.

Pada kejadian kira-kira 81 batu nautika itu dari jeti di Tok Bali menyebabkan warga Vietnam berusia 30-an itu meninggal dunia.

Sebelum itu bot Penyelamat 7 (APMM) diancam dua bot nelayan Vietnam dengan tindakan agresif, ganas dan mengancam nyawa anggotanya.

Kedua-dua bot berkenaan yang memuat 19 awak-awak termasuk tekong dike-san menangkap ikan secara

haram di perairan negara kira-kira 81 batu nautika daripada Muara Tok Bali, jam 3.30 petang.

Muhd Nor Syam juga berkata, kedua-dua bot berkenaan bertindak ganas dengan merempuh bot mengakibatkan anggota bertugas terpaksa melepaskan tembakan bagi mempertahankan diri dan keselamatan aset kerajaan.

"Akibatnya seorang nelayan Vietnam maut tertembak dipercayai terkena serpihan yang memaksa mereka menyerah diri," ujarnya.

Menurutnya juga keseluruhan rampasan termasuk bot, hasil tangkapan dan diesel dianggarkan bernilai kira-kira RM2 juta.

Bot berkenaan ditunda ke Ibu Pejabat Maritim di Tok Bali untuk siasatan di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985.

Manakala mayat mangsa dihantar ke Hospital Tengku Anis untuk dibedah siasat.

Ketua Polis Kelantan, Deputi Komisioner Shafein Mamat pula berkata, pihaknya menerima laporan daripada APMM pada 11.40 malam memaklumkan mengenai kejadian itu.

Dakwaan kerajaan halau pengusaha nanas tidak benar - Dr Azman

Oleh KHAIRUL AZLAM MOHAMAD

KUALA TERENGGANU: Dikawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kijal, Dato' Seri Ahmad Said Kongomy, kerajaan Terengganu menghalau pengusaha nanas MD2 di Kampung Bujal, Kial, Kemaman sehingga kerugian RM350,000 adalah tidak benar.

Justeru, Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tanah dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, pihaknya ingin memperbaiki

hakim yang mengetahui ADUN Kijal yang mengelirukan Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Saya hendak perbolehkan dua keputusan yang mengelirukan dewan (DUN). Pertama, keputusan bahawa peserta telah 'dilahari'. Kedua, keputusan kontohnya pemohonan tanah tidak masuk mesyuarat tanah dan terus kepada mesyuarat Exco (MKN).



Exco Kerajaan, Dr Azman Ibrahim, kerajaan negeri dan pemohon tanah tidak benar pengusaha nanas.

kesemuanya," ujarnya.
Beliau berkata demikian dalam Ucapan Penggrudisan Menjunjung Kasih Permutuan Tiarah Sultan Terengganu pada Mesyuarat Redhu Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-44 di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, baru-baru ini. Isu ini timbul, apabila kerajaan negeri telah menggalakkan semula hak milik pakalan tanah kepada pemilik asal, selepas pertukaran kerajaan pada Mei 2018.

Dr Azman menjelaskan,

"Kerajaan negeri tidak pernah mengganggu Softa Pineapple Farm yang menggantikan 15 ekar tanaman nanas MD2. Kehun nanas itu masih ada hingga ke hari ini.

"Sewa tanah pun tuan tanah tak pernah ambil dari pengusaha, malah perusahaan menambah lagi sebauh lima ekar kehuasan tanah menjadikan 20

hectare menggalakkan semula hak milik pakalan tanah kepada tuan yang berhak, lewat melalui prosedur yang sepatutnya.

"Tanah berhaknya milik Hamdam Ahmad, geran pakalan negeri bernombor 1815, dengan tempoh pakaikan selama 30 tahun atas tanah seluas 44.2 hektar.

"Tempoh pakaikan itu tamat pada 18 Februari 2009. Pada tahun 2008 lagi, Hamdam sebagai tuan tanah yang berhak,

masuk ke Mesyuarat Kerajaan Negeri (MKN). "Sebenarnya, bagi mengelakkan pengusaha nanas itu menghadapi kesukaran selepas tuntutan tanah oleh pemilik asalnya (Hamdam),"

"Maka, Sofea Pineapple Farm telah diberi lot tanah (baharu) kerajaan secara berlesen sementara atau LMS (Lesen Menduduki Sementara) di Belakang Sekolah Menengah Imtiaz, Kijal," ujarnya.

"Malah, sebahagian dari tanah itu seluas enam ekar telah diberi milik kepada orang lain," jelasnya. Memunitnya, selepas pertukaran kerajaan (PRU14) pada Mei 2018, baharulah permohonan itu diproses semula. Katanya, urusan permohonan tanah itu telah masuk ke Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah Kemaman, sebelum diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MKN).

"Sebenarnya, bagi mengelakkan pengusaha nanas itu menghadapi kesukaran selepas tuntutan tanah oleh pemilik asalnya (Hamdam). "Maka, Sofea Pineapple Farm telah diberi lot tanah (baharu) kerajaan secara berlesen sementara atau LMS (Lesen Menduduki Sementara) di Belakang Sekolah Menengah Imtiaz, Kijal," ujarnya.

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

21/8/2020

HARIAN
METRO

LOKAL

6

SALAH FAHAM KLUSTER SALA

Peniaga kena tempias



O'SMAN menunjukkan bot yang tersadi apabila ramai nelayan tidak turun ke laut.

Oleh Noorazura
Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Lebih 100 peniaga ikan dan nelayan di Kuala Sala, Mukim Sala Kecil di sini, terjejas mata pencarian dipercayai akibat salah faham berkaitan kawasan Kluster Sala yang tercetus sejak Sabtu lalu.

Tinjauan di kawasan itu mendapati ramai peniaga tidak beroperasi manakala nelayan tidak dapat turun ke laut selepas kehilangan pelanggan yang tidak berkunjung ke lokasi berkenaan.

Peniaga ikan, Siti Rahmah

Bakar, 38, berkata, pendapatannya merosot sehingga 90 peratus akibat ketiadaan pelanggan termasuk peraih yang sebelum ini sanggup datang dari seluruh Kedah serta Pulau Pinang.

"Sebelum ini, hasil jualan lebih RM2,000 sehari namun kini sukar memperoleh walaupun RM200 sehari. Hanya penduduk tempatan yang datang membeli ikan.

"Sebenarnya, lokasi Kluster Sala tiada kena mengena dengan Kuala Sala. Kluster Sala ini difahamkan berlaku di Guar Chempedak, Mukim Sala Besar di Yan.

"Kami pula di Mukim Sala Kecil di Kota Setar yang terletak 20 kilometer dari Guar

Chempedak. Akibat salah faham ini, orang luar tidak berani masuk sini dan ramai peniaga ikan berhenti berniaga seketika daripada terus tanggung kerugian," katanya, semalam.

Nelayan, Osman Hussin, 59, berkata, dia tidak turun ke laut sejak pengumuman berkaitan Kluster Sala berikutan tiada peraih atau peniaga mahu membeli hasil tangkapannya.

Katanya yang sudah 40 tahun menjadi nelayan, dia mempunyai dua anak yang masih bersekolah dan sudah lima hari tiada pendapatan.

"Saya hanya harapkan wang hasil sewa sawah yang tidak seberapa untuk me-

nampung perbelanjaan harian," katanya yang berpendapatan RM50 hingga RM150 sehari sebelum ini.

Sementara itu, peniaga runcit, Mohd Yusoff Osman, 60, berkata, 70 peratus pelanggan di lokasi berkenaan membabitkan orang luar.

"Di depan kedai runcit saya, ada tapak pasar malam dan ketika ini, ramai peniaga pasar malam yang juga warga tempatan tidak berani berniaga kerana bimbang tiada sambutan.

"Keadaan di sini sunyi dan penduduk berdoa semoga pandemik ini segera berakhir selain tiada lagi salah faham berkaitan Kluster Sala," katanya.

Fishermen cry foul over 'black' river

Manure from nearby pig farms pointed to as source of pollution

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

BUTTERWORTH: Fishermen living along Sungai Kereh in Tasek Gelugor near here are crying foul over water pollution which has affected their daily income.

The fishermen claimed that the pollution was caused by rampant release of manure into the river from pig farms in nearby Kampung Selamat.

This has also affected the water in the main river of Sungai Prai, they said.

Fisherman Mat Saad Ahmad, 75, said the river had been polluted since the 1960s and it had badly affected the livelihood of about 300 fishermen.

"The waste from the pig farms in Kampung Selamat flows into Sungai Kereh, resulting in the river water turning blackish and emitting a foul smell," he said when met at Kampung Sungai Korok.

Another fisherman Sabri Sudin, 63, said the river used to be the main source of water before the 1960s for many villagers in the area.

"The mushrooming of pig farms since 2000 has caused the river to be polluted. Because of this, there are no longer any fish in the river," he claimed, adding that among the freshwater fish they used to catch were chitala, hemibagrus and ikan moyong.

Other rivers also believed to have been affected by the pollution are Sungai Korok, Sungai Jarak and Sungai Kulim.

State health, agriculture and agro-based industry, and rural development committee chairman Dr Norlela Ariffin said the state Veterinary Services Department would install water filters in the river in Kampung Selamat to tap the black sludge.

She said the state Drainage and

Irrigation Department estimated that it would cost about RM1.3mil to build a waste pool at the pig farms in Kampung Selamat.

"I will ask mayor Datuk Rozali Mohamud to act against pig farmers that discharged the pig waste into the river," she said.

It is learnt that the state government had passed Pig Farming Enactment 2016 requiring all pig farmers to practise the closed farming method.

However, the law which should have been implemented in January this year, was put on hold and a moratorium of two years was allowed for them to convert their farms into the new system.

Under the Penang Pig Farming Enactment 2016, farmers who flout the strict guidelines face a maximum of three years' jail or a RM30,000 fine or both, upon conviction.

When contacted, State environ-



Loss of income: Mat Saad (wearing mask), Sabri and another onlooker viewing the polluted Sungai Kereh.

Boon Poh said he would instruct the state environmental officers to check the biological oxygen demand and the chemical oxygen demand at the affected rivers.

Watch the video
thestartv.com